


MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	552 cm ²
AdValue	RM 19,028	PR Value	RM 57,084



Suara hati, impian generasi B40 perlu diraikan

DARI KACA MATA



Dr Ahmad Zubir Ibrahim

Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia



Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak adalah langkah bijak dan bertepatan dengan masa dalam memastikan kelestarian kehidupan penduduk pada 2050. Dalam memastikan kemakmuran negara diwarisi generasi seterusnya, suara hati, impian serta harapan golongan muda kelompok B40 juga perlu diraikan. Apakah keperluan mereka dalam meloloskan kepompong B40 dalam tempoh 30 akan datang?

Adakah mereka masih melakukan pekerjaan turun-temurun yang diwarisi sejak sekian lama? Perkara ini perlu diberi perhatian bagi mengurangkan jurang perbezaan pengagihan pendapatan menjelang 2050. Walaupun kemiskinan berkurangan kepada 0.6 peratus pada 2014, ada kira-kira 63.1 peratus isi rumah B40 tinggal di bandar dan 36.3 peratus di luar bandar di seluruh negara dengan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah sehingga RM3,855.

Komposisi B40 merentasi sempadan kaum, gender, wilayah dan strata (bandar dan luar bandar) dan pelbagai jenis pekerjaan. Ini memerlukan perhatian khusus pelbagai pihak. Komposisi ini akan mewarisi dan menentukan kejayaan TN50. Hasil kajian ke

atas kehidupan komuniti rentan atau mudah terancam (petani pa-

di, nelayan dan getah) di utara Semenanjung memperlihatkan wujud lompong penghidupan yang perlu diberi perhatian pada masa sekarang. Seandainya lompong ini tidak diberi perhatian serius, diyakini ia juga akan diwarisi menjelang 2050.

Secara umumnya, prasarana disediakan oleh kerajaan seperti kemudahan jalan raya, bekalan air dan elektrik sudah dikecapi dan dinikmati hampir sepenuhnya kelompok ini. Namun, kekurangan pemilikan hak milik tanah sendiri khususnya golongan nelayan pesisir pantai dilihat sebagai penghalang utama yang akan memberi implikasi besar kepada generasi pewaris. Kekurangan pembabitan dan penyertaan dalam aktiviti masyarakat atau badan persatuan menyebabkan kesukaran penerimaan perubahan yang dilakukan.

Sumber pendapatan tidak menentu

Tambahan pula sumber pendapatan tidak menentu dan kebergantungan kepada sumber alam menjadikan penghidupan golongan ini sentiasa mudah terancam. Sebanyak 64.7 peratus isi rumah dalam kategori B40 bergantung kepada satu sumber pendapatan dan apabila berlaku keadaan seperti kejutan ekonomi, maka golongan ini akan mudah terjejas dan terkesan dengan insiden berikut.

Dalam erti kata lain, kehidupan golongan ini diibaratkan sebagai kais pagi makan pagi, kais petang makan malam. Tambahan pula kekurangan membuat tabungan dan simpanan menyulitkan lagi keadaan. Kajian juga menjelaskan

Headline	Suara hati, impian generasi B40 perlu diraikan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	552 cm ²
AdValue	RM 19,028	PR Value	RM 57,084

amalan tabungan di kalangan B40 ini masih rendah. Ini berikutan hasil pendapatan bermusim bagi petani padi dan harian bagi nelayan yang tidak menentukan mengakibatkan amalan tabungan kurang diberi perhatian. Kesannya golongan ini sentiasa terdedah dengan situasi mudah terancam.

Situasi ini mendorong golongan ini berasa rendah diri dan terpinggir dalam masyarakat. Tahap pendidikan rendah dan kekurangan kemahiran turut menyebabkan kegagalan golongan B40 mencari alternatif lain sebagai sumber pendapatan. Maka, mahu tidak mahu mereka terus bergantung kepada pekerjaan yang diwarisi. Tidak hairanlah perkara ini turut diwarisi generasi B40 pada 2050 sekiranya tiada penyelesaian holistik dilakukan ketika ini. Inilah yang perlu diatasi bagi mengelak generasi B40 terus mewarisi rasa terpinggir.

Bagi memastikan warisan B40 tidak diwarisi oleh generasi akan datang, salah satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan adalah kadar keciciran pendidikan. Lebih 90 peratus pelajar sekolah menengah rendah dan 75 peratus pelajar sekolah menengah atas tidak bersekolah adalah terdiri daripada isi rumah B40. Apakah yang bakal terjadi, generasi B40 tidak mendapat pendid-

dikan sempurna.

Pada masa sama juga golongan B40 terbeban dengan kenaikan kos sara hidup. Sebagai langkah untuk mengatasinya, golongan ini cuba mengurangkan bebanan ini melalui pengurangan makanan mahal, membeli barangan di kedai jualan murah, mencatu makanan dan mengutamakan makanan kepada anak-anak sebagai strategi berdaya tahan. Satu perkara yang harus diberi pujian kepada golongan B40, mereka tidak ubah suai perbelanjaan anak ke sekolah

walaupun terbeban dengan kesempitan hidup. Bagi mereka melalui pendidikan anak-anak akan mengubah corak kehidupan mereka kelak.

Tibalah masanya kerajaan wujud dan membangunkan satu mekanisme bersepadu bagi melindungi golongan ini daripada terus berada dalam putaran ganas kemiskinan. Perusahaan berasaskan komuniti dan sosial berasaskan keusahawanan dilihat sebagai langkah sesuai dan perlu dipertingkatkan dalam tempoh jangka panjang bagi mengelak generasi B40 terus bergantung kepada hasil alam sebagai sumber pendapatan utama.


Kepelbagaian latihan dan kemahiran


Kepelbagaian latihan dan kema-


hiran perlu dipertingkatkan bagi mewujudkan peluang penciptaan pekerjaan khususnya di kalangan pewaris B40. Berdasarkan kajian dilakukan, generasi B40 pada masa kini tidak mempunyai kemahiran dan latihan mencukupi dalam mempelbagaikan sumber pendapatan. Situasi ini mengakibatkan kebergantungan tinggi kepada sumber sedia ada sebagai punca pendapatan.

Kini tiba masanya kerajaan menggantikan bantuan dalam bentuk tunai kepada pembangunan insan golongan ini. Memberi pancing kepada individu yang minat dengan aktiviti memancing adalah lebih baik daripada menyediakan hidangan ikan yang hanya kenyang buat sementara setelah dinikmati. Bagi menyelaami lagi isi hati dan harapan generasi B40 dalam TN50, barisan kepemimpinan negara perlu mendengar rintihan, impian dan harapan generasi B40 dalam TN50, pastinya ada pengharapan yang kita tidak sedari ibarat tidur bantal yang sama namun mimpi berbeza.

■ Cara pemikiran pemain muda sekarang jelas berbeza berbanding ketika saya seusia dengan mereka. Jurulatih suruh buat, mereka buat tetapi bila latihan keras sedikit, mulalah merungut. Ikuti coretan lanjut pemain badminton nombor satu dunia, **Datuk Lee Chong Wei**, esok.

 Kekurangan pemilikan hak milik tanah golongan nelayan pesisir pantai dilihat memberi implikasi besar kepada generasi pewaris"

 Tahap pendidikan rendah dan kurangkemahiran turut menyebabkan kegagalan golongan B40 cari alternatif lain"

 Kepelbagaian latihan dan kemahiran perlu dipertingkatkan bagi wujudkan peluang penciptaan pekerjaan khususnya untuk pewaris B40"